



MPC.100-14/1/8

13 Ogos 2020

Puan Mulyati Afiza Mutalib
Ketua Penolong Pengarah
Seksyen Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
Menara MITI, No. 7,
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,
50480 Kuala Lumpur

Puan,

**PERBEZAAN AMAUN DAN STRUKTUR KOS BAGI PERMOHONAN PERUNTUKAN
MENGURUS TAMBAHAN BAGI PENYELENGGARAAN BANGUNAN MPC**

Dengan segala hormatnya e-mel puan bertarikh 11 Ogos 2020 berkenaan perkara di atas adalah dirujuk

2. Sebagaimana maklumat permohonan perkara di atas yang hantar ke pihak puan sebelum ini, terdapat perbezaan pada amaun dan struktur kos bagi permohonan peruntukan. Perbezaan pada amaun kos adalah disebabkan penambahan skop kerja yang melibatkan MPC Wilayah Selatan. Manakala perbezaan struktur kos pula adalah disebabkan oleh perubahan spesifikasi peralatan dan skop kerja yang melibatkan MPC Wilayah Utara dan MPC Sarawak (rujuk Lampiran untuk maklumat terperinci).

3. Untuk makluman pihak puan juga, perbezaan struktur kos yang melibatkan MPC Wilayah Utara dan MPC Sarawak dicadangkan dengan memindahkan keperluan kos tambahan kepada MPC Wilayah Utara daripada MPC Sarawak. Walau bagaimanapun, penambahan skop kerja oleh MPC Wilayah Selatan akan melibatkan penambahan kos keseluruhan permohonan sebanyak RM42,250.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

Mohd Yazid Abdul Majid
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan
b.p. Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

PERINCIAN PERBEZAAN AMAUN DAN STRUKTUR KOS BAGI PERMOHONAN PERUNTUKAN TAMBAHAN BAGI PENYELENGGARAAN BANGUNAN MPC

Bil.	Lokasi	Lampiran I (RM)	Skop	Lampiran II (RM)	Perbezaan (RM)	Justifikasi Perbezaan
1	MPC Ibu Pejabat	542,090.00	1 2 3 4	542,090.00 100,050.00 246,540.00 95,500.00 100,000.00	0	Tidak berkenaan
2	MPC Sarawak	2,077,000.00	1 2 3 4 5	1,962,150.00 74,406.00 823,552.00 287,500.00 727,692.00 49,000.00	114,850.00	- Perbezaan kos (pengurangan sebanyak RM114,850) disebabkan pengurangan skop kerja dengan nasihat pakar (dalam julat yang dibenarkan). Keutamaan skop kerja adalah pada komponen kerja yang kritikal memandangkan nilai asal sebelum pengurangan juga tidak mencukupi untuk keseluruhan skop kerja. - Amaun pengurangan diberikan kepada MPC Wilayah Utara untuk keperluan yang lebih mendesak bagi mengelakkan pertambahan kepada permohonan peruntukan keseluruhan (rujuk Lampiran 2)
3	MPC Wilayah Utara	170,150.00	1 2 3 4	285,000.00 28,920.00 54,825.00 190,000.00 11,255.00	-114,850.00	- Perbezaan kos (pertambahan sebanyak RM114,850) disebabkan perubahan spesifikasi peralatan (pam air) yang lebih sesuai dan terjamin mengikut kapasiti kolam takungan dan pembinaan pagar keselamatan disekeliling kolam. - Jumlah amaun pertambahan diambil daripada bahagian MPC Sarawak atas persetujuan bersama (rujuk Lampiran 2).
4	MPC Wilayah Selatan	407,660.00	1 2 3 4	449,910.00 197,210.00 155,700.00 47,000.00 50,000.00	-42,250.00	- Perbezaan kos (pertambahan sebanyak RM42,250) adalah disebabkan perluasan skop kerja pendawaian semula di bangunan asrama daripada 7 bilik asrama kepada keseluruhan bangunan asrama (39 bilik). - Pendawaian asal telah usang dan sebahagian telah rosak sehingga kerap berlaku <i>power trip</i> dan <i>black-out</i> (rujuk Lampiran 2).
	Jumlah Keseluruhan	3,196,900.00		3,239,150.00	-42,250.00	

**JUSTIFIKASI BAGI PERMOHONAN PERUNTUKAN TAMBAHAN KHAS:
KERJA-KERJA KECEMASAN**

BIL	LOKASI & JUSTIFIKASI	PERKARA	KOS
1.	Ibu Pejabat (Blok Inovasi) Kerosakan struktur bangunan dan infrastruktur sekeliling bangunan MPC Ibupejabat adalah disebabkan oleh pembangunan PJ Sentral yang dimajukan oleh MRCB. Kerosakan fizikal ini telah berlanjutan ke tahun ke-4 dari 2016. Ruang di aras bawah (zon merah - kritikal) blok Inovasi masih lagi tidak boleh digunakan kerana belum diserahkan kepada MPC oleh MRCB. MPC juga telah menutup Pejabat di Bangunan PJ8 pada 31 Ogos dan memerlukan lebih banyak bilik-bilik perbincangan. Membaikpulih bilik grafik (zon kuning – selamat, tetapi perlu baikpulih) amat diperlukan bagi kegunaan pentadbiran serta mengelakkan kerosakan harta benda kebahagian lain akibat lelehan air bawah tanah menyerap masuk ke dinding bawah blok Inovasi. MPC memohon peruntukan bagi: • melantik perunding bebas yang bertauliah bagi memantau kerja-kerja baikpulih dan mengeluarkan laporan tanpa menyebelahi pihak pemaju PJ Sentral. • membaikpulih bilik grafik bagi menambah ruang bahagian pentadbiran yang dimasukki air bawah tanah melalui dinding yang juga menyebabkan lelehan air merebak ke bahagian Perolehan. • Menambah 3 bilik perbincangan tambahan di ruang Galeri di aras 1 Blok Inovasi.	Melantik perunding pihak ketiga bagi pihak MPC Ibupejabat untuk memantau kerja baikpulih dijalankan oleh Pemaju MRCB serta membaki bilik grafik dan menambah bilik perbincangan 1. Melantik perunding juruukur bangunan 100,050 2. Melantik jurutera struktur bangunan 246,540 3. Menambah 3 bilik perbincangan di ruang galeri 95,500 4. Membaikpulih bilik grafik 100,000 Jumlah 542,090	

BIL.	LOKASI & JUSTIFIKASI	PERKARA	KOS
2.	MPC Sarawak Tanah di MPC Sarawak yang mendap telah menyebabkan struktur bangunan MPC Sarawak bergerak dan mengakibatkan keretakan kepada struktur bangunan dan telah meruntuhkan pagar MPC. <u>Pemendapan tanah telah menyebabkan aktiviti <i>teambuilding</i> tidak lagi boleh dilaksanakan</u>. Atas faktor keselamatan pelanggan MPC semua <u>program <i>teambuilding</i> telah dibekukan sehingga keadaan selamat</u>. MPC memohon peruntukan bagi: • melantik perunding geoteknik dan jurutera struktur bagi merekabentuk saliran bawah tanah • membaikpilih struktur tanah dengan dengan <i>open field drainage systems</i> (fish bone) • membaiki longkang saliran dan keretakan bangunan • membina semula struktur pagar MPC dan memasang pagar <i>anti-theft</i> • mengecat semula bangunan setelah kerja-kerja pemulihan bangunan selesai	Membaikpilih dan merata struktur tanah, memperbaiki keretakan bangunan dan membina semula pagar 1. Melantik perunding geoteknik dan jurutera struktur 2. Membaikpilih struktur tanah berserta dengan open field drainage systems (fish bone) 3. Membaiki saliran longkang dan keretakan bangunan 4. Membinasemula struktur pagar MPC dan memasang pagar <i>anti-theft</i> 5. Mengecat semula Bangunan Jumlah	74,406.00 823,552.00 287,500.00 727,692.00 49,000.00 1,962,150

BIL.	LOKASI & JUSTIFIKASI	PERKARA	KOS										
3.	MPC Wilayah Utara MPC Wilayah Utara telah mengalami banjir kilat sebanyak 3 kali tahun 2019 dan 2020. Pembangunan di sekeliling MPC Wilayah Utara telah menyebabkan pejabat MPC Wilayah Utara berada dikedudukan paling rendah. Banjir kilat ini telah mengakibatkan MPC terpaksa menanggung kos kerugian dan menjejaskan pendapatan sewaan bilik latihan, asrama dan dewan. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menyarankan MPC membina takungan air bagi mengelakkan berlakunya banjir kilat berulang. MPC memohon peruntukan bagi: • membina kolam takungan bersaiz 100' x 100' dengan kedalaman 8' • membaiki longkang saliran • memasang pam air • membina pagar keselamatan	Membina kolam takungan bagi menangani banjir kilat <table><tr><td>1. Membina kolam takungan</td><td>28,920</td></tr><tr><td>2. Membaiki longkang saliran</td><td>54,825</td></tr><tr><td>3. Memasang pam air</td><td>190,000</td></tr><tr><td>4. Membina pagar keselamatan</td><td>11,255</td></tr><tr><td>Jumlah</td><td>285,000</td></tr></table>	1. Membina kolam takungan	28,920	2. Membaiki longkang saliran	54,825	3. Memasang pam air	190,000	4. Membina pagar keselamatan	11,255	Jumlah	285,000	
1. Membina kolam takungan	28,920												
2. Membaiki longkang saliran	54,825												
3. Memasang pam air	190,000												
4. Membina pagar keselamatan	11,255												
Jumlah	285,000												
4.	MPC Wilayah Selatan MPC Wilayah Selatan telah mengalami gangguan bekalan elektrik sebanyak tiga (3) kali. Situasi ini menyebabkan MPC Wilayah Selatan ini tidak lagi mampu membekal tenaga elektrik pada kapasiti 100% penggunaan bilik latihan, asrama dan dewan secara serentak. Kompleks ini juga pernah dicerobohi kerana pagar keselamatan yang usang. Implikasi ini telah menjejaskan minat pelanggan untuk menyewa bangunan MPC yang kerap terputus bekalan dan tidak selamat	Pendawaian semula Kompleks SRO serta membaiki pagar yang rosak <table><tr><td>1. Pendawaian semula blok pentadbiran</td><td>197,210</td></tr><tr><td>2. Pendawaian semula blok asrama</td><td>155,700</td></tr></table>	1. Pendawaian semula blok pentadbiran	197,210	2. Pendawaian semula blok asrama	155,700							
1. Pendawaian semula blok pentadbiran	197,210												
2. Pendawaian semula blok asrama	155,700												

BIL.	LOKASI & JUSTIFIKASI	PERKARA	KOS
	sekaligus menjejaskan pendapatan sewaan. MPC memohon peruntukan bagi: • membuat pendawaian semula kompleks ◦ blok pentadbiran ◦ blok asrama ◦ dewan • membaiki pagar keselamatan	3. Pendawaian dewan	47,000
		4. Membaiki pagar	50,000
		Jumlah	449,910